

BAB 1 Arah

Panduan RPH							
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman	
1.1 Arah		1.1.1 Mengenal pasti lapan arah mata angin		Buku Teks m.s 2	Soalan 1 Soalan 2	TP1 TP1	2
BBM		PAK-21		KBAT			
Buku teks		Peta i-THINK		Menganalisis			
EMK		i-THINK		Nilai Murni			
Kelestarian global		Peta pokok		Toleransi			
Cadangan PdPc							
1. Guru menerangkan kepada murid tentang arah dan cara menentukan arah. 2. Guru berbincang dengan murid tentang arah mata angin utama dan angin mata angin perantaraan. 3. Guru menerangkan kepada murid tentang lapan arah mata angin dengan melukis rajah arah mata angin. 4. Murid melengkapkan rajah arah mata angin dalam buku Power Up Geografi halaman 2. 5. Murid secara individu menyediakan peta pokok untuk menunjukkan arah mata angin utama dan arah mata angin perantaraan. 6. Murid menampal peta i-THINK yang telah siap di dalam buku latihan mereka. 7. Guru menilai hasil kerja murid. 8. Murid menjawab soalan 2 dalam buku Power Up Geografi halaman 2 untuk mengenal pasti lapan arah mata angin bagi tempat-tempat yang diberi berdasarkan rajah.							

Panduan RPH							
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman	
1.1 Arah		1.1.2 Menggunakan matahari sebagai panduan untuk menentukan arah mata angin		Buku Teks m.s 3	Soalan 3 Soalan 4	TP2	3
BBM		PAK-21		KBAT			
Buku teks, buku catatan		Kerja Lapangan		Mengaplikasi			
EMK		i-THINK		Nilai Murni			
Kelestarian alam sekitar		Peta alir		Bekerjasama			
Cadangan PdPc							
1. Berdasarkan rajah dalam buku teks halaman 3, guru menerangkan kepada murid tentang cara menentukan arah berpandukan matahari. 2. Murid melengkapkan peta alir dalam buku Power Up Geografi halaman 3 tentang cara menentukan arah mata angin berpandukan kedudukan matahari. 3. Guru membawa murid ke padang sekolah. 4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 5. Murid perlu mengenal pasti arah matahari terbit di kawasan sekolah. Kemudian, berdiri menghadap ke arah matahari terbit. 6. Setiap kumpulan menentukan arah beberapa tempat di sekeliling sekolah berpandukan matahari. 7. Hasil kerja setiap kumpulan dinilai oleh guru. 8. Murid juga menjawab soalan 4 dalam buku Power Up Geografi halaman 3 untuk menentukan lapan arah mata angin berpandukan matahari.							

Panduan RPH							
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)			Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
1.1 Arah		1.1.3 Menggunakan kompas untuk menentukan arah mata angin		Buku Teks m.s 4 – 5	Soalan 5 Soalan 6	TP3 TP4	4
BBM		PAK-21			KBAT		
Buku teks, kompas magnetik		Kerusi Panas			Menganalisis		
EMK		i-THINK			Nilai Murni		
Kelestarian global		Peta alir			Bertanggungjawab		

Cadangan PdPc

1. Guru menunjukkan kompas magnetik kepada murid.
2. Guru menerangkan kepada murid ciri-ciri kompas magnetik.
3. Guru menjelaskan cara mengorientasikan kompas magnetik.
4. Guru menerangkan langkah-langkah menentukan arah sesuatu tempat menggunakan kompas.
5. Murid menjawab soalan 5 dalam buku Power Up Geografi halaman 4.
6. Guru memberikan murid masa selama lima minit untuk membaca semula nota tentang cara menentukan arah mata angin menggunakan kompas.
7. Guru memilih seorang murid ke hadapan kelas.
8. Murid duduk di kerusi yang disediakan dan menjadi ‘pakar’.
9. ‘Pakar’ ini menjawab semua soalan yang dikemukakan oleh murid lain berkaitan dengan kompas magnetik.
10. Murid menjawab soalan 6 dalam buku Power Up Geografi halaman 4 untuk mengenal pasti arah mata angin berdasarkan kompas yang telah diorientasikan.

Panduan RPH							
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman	
1.1 Arah		1.1.3 Menggunakan kompas untuk menentukan arah mata angin	Buku Teks m.s 4 – 5	Soalan 7 Soalan 8 Soalan 9	TP4 TP5 TP6	5 - 6	
		1.1.4 Mengukur bearing sudutan pada peta dengan menggunakan jangka sudut	Buku Teks m.s 6 – 8				
BBM		PAK-21		KBAT			
Buku teks, jangka sudut, kompas magnetik		Kerja Lapangan		Mengaplikasi			
EMK		i-THINK		Nilai Murni			
Kelestarian global		Peta alir		Bertanggungjawab			

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang bearing dan ciri-ciri bearing sudutan.
2. Guru menunjukkan kepada murid cara menggunakan jangka sudut untuk mengukur bearing sudutan.
3. Guru menerangkan cara mengukur bearing sudutan kurang daripada 180° dan lebih daripada 180°.
4. Murid menjawab soalan 7 dalam buku Power Up Geografi halaman 5.
5. Guru meminta murid meneliti peta dalam buku Power Up Geografi halaman 6.
6. Murid menjawab soalan 8 dengan menggunakan jangka sudut untuk mengukur bearing sudutan beberapa tempat pada peta tersebut.
7. Guru memilih beberapa orang murid untuk membentangkan jawapan mereka di hadapan kelas.
8. Guru membandingkan jawapan antara murid-murid yang dipilih.
9. Guru juga menjalankan aktiviti dalam halaman 6 (soalan 9) untuk menentukan arah dan bearing sudutan beberapa tempat di kawasan persekitaran sekolah menggunakan kompas magnetik dan jangka sudut.